

TEKS UCAPAN PENUTUP

**YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN
KETUA PENGARAH
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**FORUM JABATAN STANDARD MALAYSIA
BERSAMA MAKMAL DAN PENILAI
SKIM AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA
(SAMM) 2014**

**4 NOVEMBER 2014
HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM**

YBrs. En. Shaharul Sadri Bin Alwi
Pengarah Bahagian Akreditasi

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa baraaatuh dan Salam sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berada di Majlis Penutup Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Makmal dan Penilai Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) 2014.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Saya ingin berkongsi sedikit maklumat berhubung perjalanan forum pada hari ini. Untuk makluman YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan, seramai lebih dari 400 orang peserta yang terdiri daripada penilai dan wakil dari badan

penilaian pematuhan telah mengikuti forum pada hari ini. Jumlah ini merupakan jumlah terbesar kehadiran forum yang pernah dianjurkan oleh Standards Malaysia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan forum pada hari ini. Saya percaya impak yang dihasilkan pada forum kali ini akan menguntungkan semua pihak.

Sepanjang forum ini berlangsung, para peserta telah diberi taklimat mengenai perkembangan terbaru Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Secara keseluruhannya 44 badan penilaian pematuhan telah diakredit dari Januari hingga September 2014 menjadikan jumlah kumulatif badan penilaian pematuhan ialah 666. Pencapaian ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 35 badan penilaian pematuhan. Ini merupakan salah satu indikator yang

menunjukkan peningkatan kesedaran dan kepentingan akreditasi di kalangan pihak industri. Standards Malaysia percaya, jumlah ini akan meningkat di tahun-tahun akan datang, selaras dengan pertumbuhan dan kemajuan industri di negara ini.

Selain itu, para peserta juga diberi taklimat berkenaan perubahan dokumen polisi dan keperluan teknikal yang terkini. Secara keseluruhannya terdapat 7 dokumen telah dikemaskini, 1 dokumen sedang disemak dan 3 dokumen masih dalam pembangunan. Perubahan-perubahan ini adalah penting dalam memastikan SAMM terus relevan dengan keperluan teknikal semasa serta selari dengan prosedur-prosedur dan keperluan teknikal di peringkat antarabangsa, khususnya *International*

Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC) dan *International Accreditation Forum (IAF)*.

Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan skim akreditasi yang baru iaitu *Malaysia Proficiency Testing Provider Accreditation Scheme* atau ringkasnya MyPTP. Skim ini telah dilancarkan pada 31 Disember 2013 dengan objektif memastikan kompetensi *proficiency testing provider* dalam bidang pengujian, penentukuran, pengujian perubatan dan pemeriksaan. Standards Malaysia mengalu-alukan makmal-makmal yang menawarkan *proficiency testing* untuk mendapatkan akreditasi di bawah MyPTP.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Diharapkan segala perbincangan yang telah berlangsung pada forum kali ini memberi

manfaat kepada semua pihak. Kami akan mengambil perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Standards Malaysia juga sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan/idea baru bagi menambahbaik SAMM.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya kongsi satu kenyataan yang dipetik dari kertas kerja "Laboratory Accreditation in a Developing Economy" United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) (2003) yang berbunyi :

"The key to lowering of the barriers to international trade is accreditation, the whole basis of which to create confidence in the work carried out by certification and inspection bodies, as well as testing and calibration laboratories,

located anywhere in the world. In the absence of internationally recognised accredited facilities, tests carried out in the exporting country would have to be repeated by a recognised laboratory in the importing county and a adverse test report could result in the rejection of an entire shipment of food or manufactured goods. As these may have already have been transported halfway around the world this could be a very costly exercise for the exporter. In the field of accreditation this often summarised by saying "Tested once – Accepted everywhere'."

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, atas komitmen dan usaha semua pihak, dalam menjayakan forum ini. Dengan lafaz Bismillah-Hirrahman-Nirrahim, saya dengan ini menyempurnakan penutupan Forum Jabatan

Standard Malaysia Bersama Makmal dan Penilai SAMM 2014.